

26/10/1998

Kuasa besar tiada alasan

ullah; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai pihak menganggap ancaman `kuasa besar' untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia berikutan tindakan pemulihan ekonominya dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengikut ISA adalah tidak adil dan tidak wajar.

Walaupun tindakan Malaysia yang mengetepikan nasihat Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menguruskan dasar dan struktur kewangannya, berjaya mengembalikan keyakinan pelabur, badan dunia itu menganggap ia menyekat liberalisasi ekonomi dunia.

Pengarah Pusat Asia Tenggara Universiti Malaya (UM), Prof Dr Shahril Talib, berkata tidak ada sebab kukuh negara kuasa besar mahu mengenakan sekatan ekonomi terhadap negara ini.

Menurutnya, Malaysia sebagai negara berdaulat menggunakan pendekatan sendiri dalam menyelesaikan isu berkaitan politik dan ekonomi.

"Kuasa besar yang mendalangi IMF dan Bank Dunia boleh mengkritik negara ini, tetapi kita juga boleh mengemukakan penjelasan yang rasional terhadap semua tindakan itu.

"Oleh itu, saya tidak fikir mereka akan menggunakan sekatan ekonomi terhadap negara ini kerana sesetengah ahli jawatankuasa IMF dan Bank Dunia boleh menerima pendekatan Malaysia," katanya.

Dr Shahril mengajak rakyat negara ini merenung pendekatan Malaysia berbanding negara jiran seperti Thailand dan Korea Selatan yang menelan sepenuhnya ubat pahit IMF.

Di peringkat rakyat bawahan, banyak daripada mereka tidak ada punca pendapatan menyebabkan pemimpin tertinggi negara itu terpaksa meletak jawatan.

"Marilah kita bersama-sama mengatasi ombak baru ini yang kelihatan sengaja mahu mengubah dasar negara merdeka di rantau ini," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 September lalu bahawa negara asing mungkin menggunakan isu pemecatan Anwar bagi mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia.

Perdana Menteri berkata, sudah ada tanda ke arah itu apabila seorang pegawai kanan Bank Dunia membuat kenyataan kemungkinan Malaysia dikenakan sekatan ekonomi oleh masyarakat dunia seperti yang dilakukan terhadap Afrika Selatan ketika pemerintahan aparteid.

Menurut Dr Mahathir, kenyataan pegawai itu yang pertama mungkin untuk membela Anwar, tetapi lebih daripada itu, ia adalah langkah untuk menggagalkan usaha negara memulihkan ekonomi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, baru-baru ini mengulas, Malaysia sememangnya menjangka negara asing akan memberi pelbagai reaksi berhubung isu pemecatan dan penahanan Anwar kerana hubungan baiknya dengan pemimpin negara luar, termasuk kuasa besar.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan menggunakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi mempertahankan hak jika negara asing mengenakan sekatan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Senator Rosli Mat Hassan, berpendapat kuasa besar berhasrat meruntuhkan sistem pentadbiran sedia ada di negara ini.

"Sekatan ekonomi adalah satu kaedah penjajahan baru yang dicipta khusus oleh kuasa besar untuk menakut serta mencaturkan pemerintahan di negara Asia. Senjata ini akan diguna untuk mencetuskan perang dunia ketiga," katanya.

Beliau berkata, isu Anwar tidak sepatutnya dikaitkan dengan politik dan

kemakmuran sesebuah negara.

Naib Presiden MCA, Datuk Yap Pian Hon, berkata negara luar sepatutnya tidak campur tangan dalam hal ehwal politik negara lain tetapi membantu dari segi sokongan ekonomi.

"Seperti setiap keluarga tidak mahu rumah tangganya diganggu dan dicerobohi orang luar, begitu juga aspek negara.

"Semangat Malaysia ialah memakmurkan negara lain dengan menghulurkan pertolongan bukan mengenakan sekatan ekonomi," katanya.

(END)